



NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED

SELAIN bola sepak, sukan yang sering menarik perhatian rakyat kita adalah badminton. Ini kerana kita memiliki sejarah pencapaian yang cukup memberangsangkan di samping mampu berbangga dengan kelahiran ramai pemain jagoan bertaraf dunia.

Pasukan badminton kita juga pernah bergelar gergasi Piala Thomas manakala pemain perseorangan mahupun beregu pula mampu mendominasi pelbagai kejohanan bertaraf dunia termasuk kejohanan seluruh England. Itu semua adalah sejarah yang cukup membanggakan. Namun apa yang sedang berlaku sekarang adalah cukup merisaukan kita semua.

Pasti ramai kecewa dengan prestasi yang ditunjukkan oleh pasukan badminton negara di kejohanan Piala Thomas yang baru saja berakhir di China yang menyaksikan buat pertama kali kita pasukan bukan Asia iaitu Denmark muncul sebagai juara. Kegagalan skuad negara di peringkat separuh akhir di tangan juara baharu Denmark cukup menghamparkan peminat sukan badminton tanah air.

Walaupun sudah mendahului dengan mata 2-0 namun pemain kita gagal untuk meneruskan rentak kemenangan mara ke final sekali gus gagal lagi untuk merealisasikan impian kita untuk menjulang piala keramat sukan badminton itu setelah kali terakhir melakukannya pada 1992. Maka, sekali lagi penantian kita selama 24 tahun berkecaci. Kita sebenarnya gagal untuk melakukannya pada edisi dua tahun lepas apabila mendapat peluang terbaik ketika bertemu Jepun di final di mana kita gagal untuk menewaskan Jepun yang boleh dikatakan pendatang baru dalam sukan badminton.

Hakikatnya kita terus disogokan dengan harapan palsu sehingga akhirnya kita terus dikecewakan. Betul, kalah menang adalah adat pertandingan namun selama mana kita mahu berselindung di sebalik alasan klise itu. Kalau kita pendatang baru dalam sukan badminton mungkin ada logiknya alasan seperti itu malah agak ke-



LEE CHONG WEI mengangkat dua belah tangan setelah berjaya menewaskan lawannya dari Denmark, Viktor Axelsen pada peringkat separuh akhir kejohanan Piala Thomas di Pusat Sukan Kunshan, China, Jumaat lalu. Skuad Piala Thomas berjaya memperoleh mata pertama setelah Chong Wei menang 23-21 dan 21-18.

- BERNAMA

terlalu untuk kita meletakkan harapan yang tinggi namun realitinya kita adalah antara gergasi dalam sukan ini.

Justeru kegagalan demi kegagalan ini agak sukar untuk kita terima. Agak sukar untuk kita terima alasan seperti pemain tidak bersedia, kurang pengalaman, kurang kecergasan mahupun kita tidak mempunyai banyak pilihan pemain baru. Sewajarnya sebagai gergasi badminton dunia kita bersedia sepanjang masa dengan kelompok pemain muda dan baru sebagai pelapis untuk sentiasa mampu menggalas tugas pemain senior. Kita sering tertanya-tanya apa hasil pencapaian program pencarian pelapis Persatuan Badminton Malaysia (BAM). Dalam acara perseorangan misalnya, sampai sekarang kita masih bergantung harap kepada Datuk Lee Chong Wei semata-mata.

Secara umumnya pencapaian pemain muda perseorangan lain jauh ketinggalan berbanding pe-

main negara lain seperti China, Indonesia, Denmark dan Jepun. Mereka begitu cepat meningkat naik dan tidak ketandusan pemain baru yang berkualiti. Sebaliknya kita masih bergelut dengan pelbagai isu sehingga gagal untuk menyediakan pasukan pelapis yang boleh diharapkan.

Jika situasi ini berterusan keadaan akan lebih parah menjelang kejohanan Piala Thomas edisi 2018 kerana kemungkinan besar ini adalah edisi terakhir untuk beberapa pemain negara sedia ada seperti Chong Wei, Koo Kien Keat, Tan Boon Heong dan juga Chong Wei Feng. Apakah dalam masa dua tahun kita mampu lahirkan jagoan dunia baru yang mampu membawa pulang Piala Thomas?

Walaupun nampak sukar namun tidak mustahil dilakukan andai BAM dapat melakukan perubahan yang drastik demi masa depan sukan badminton. Secara jujurnya kita sudah penat me-

mikirkan nasib, masa depan dan hala tuju sukan badminton negara. Hakikatnya kita tidak mahu terus ketinggalan sehingga boleh dikalahkan oleh pendatang baru. BAM perlu bertindak segera.

Kegagalan dalam edisi kali ini wajar membuka mata semua pihak betapa masa depan sukan badminton cukup merisaukan. Sudah-sudahlah dengan pelbagai masalah dalaman dan kontroversi yang melanda sukan badminton negara terutamanya membabitkan pemilihan pemain naungan BAM, luar BAM serta pemilihan jurulatih negara. Kita perlu fokus dalam mencari bakat baru untuk meneruskan legasi kecemerlangan sukan badminton negara.

Cuba kita hayati pandangan dua legenda badminton negara iaitu Rashid Sidek dan Chong Wei mengenai kegagalan skuad Piala Thomas kali ini. Menurut Rashid, sejak awal lagi BAM telah melakukan kesilapan apabila tidak telus dalam pemilihan pemain. Malah BAM sekadar meletakkan sasaran ‘selamat’ apabila menetapkan misi mara ke separuh akhir berbanding final, sedangkan Malaysia turun dengan reputasi selaku naib juara dua tahun lalu dan juara lima kali.

Tambah Rashid, pemilihan pemain bagi membentuk pasukan juga tidak dijalankan dengan adil, terutama apabila BAM bertindak mengetepikan pemain ranking ketiga negara, Zulfadli Zulkifli. Komen Chong Wei juga agak cukup realistik apabila berpandangan Malaysia bakal melalui ‘perjalanan yang panjang’ untuk menuju Piala Thomas di mana peluang Malaysia untuk menamatkan kemarau 24 tahun tidak mungkin berlaku dalam masa terdekat kerana memerlukan masa untuk menyediakan sebuah pasukan mantap.

Jelas memang ada yang tidak kena dengan pasukan badminton negara. Maka kita berharap agar semua pihak yang terbabit hentikanlah segala polemik dan kepentingan peribadi.

Sedarlah betapa peminat semakin kecewa dan risau dengan prestasi pemain badminton negara. Walaupun secara keseluruhannya dirumuskan pencapaian mara ke peringkat separuh akhir kali ini melepassi sasaran awal namun percayalah bukan ini yang kita mahukan.